

# Lebih 31,000 pelajar terima insentif

FOTO: ROSLI TALIB



Pemenang hadiah utama, Zheng Khai bersama bapa, Choon Keat dan ibu, Low Hui Ching menerima replika Cabutan Bulanan 20 Tahun PTPN, semalam.

TUAN BUQHAIHAIH TUAN MUHAMAD ADNAN

**SERIKEMBANGAN**-Seramai 31,757 pelajar tahun satu di seluruh negara menerima insentif khas simpanan percuma RM50 daripada RM25 juta diperuntukkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Timbalan Ketua Eksekutif (Dasar dan Operasi), Mastura Mohd Khalid berkata, insentif itu diberi kepada pelajar yang membuka akaun atau membuat penambahan simpanan menerusi akaun SSPN-i dan SSPN-i Plus.

"Seramai 7.23 peratus daripada jumlah pelajar ra-

hun satu menerima simpanan percuma ini," katanya selepas Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan WOW! 20 Tahun PTPN bagi bulan Ogos di Sekolah Kebangsaan Jenis Cina Bukit Serdang, semalam.

Turut hadir, pengelola sekolah, Datuk Liew Yuen Keong dan Pengurus Besar Kanan Jabatan Pemasaran dan Komunikasi Strategik PTPN, Abdul Ghaffar Yusop.

Bagaimanapun, menurutnya, angka tersebut masih kecil berbanding bilangan pelajar tahun satu di kesemua sekolah seluruh negara.

"Saya harap orang ra-

mai merebut peluang ini kerana masih ada tiga bulan sebelum simpanan percuma ini ditamatkan," katanya.

Beliau berkata, insentif itu dimasukkan ke dalam akaun SSPN-i dan SSPN-i Plus sebagai simpanan tanpa ditolak premium takaful.

"Pelajar tahun satu hanya layak menerima insentif ini sekali sahaja walaupun mempunyai lebih daripada satu akaun," katanya.

Mastura berkata, pemberian insentif ini merupakan salah satu galakan penabungan kepada ibu bapa agar membuktikan simpanan demi masa depan mereka.

"Kepada semua yang belum membuka akaun, segeralah berbuat demikian kerana banyak peluang dan pelbagai hadiah menarik ditawarkan," katanya.

Sementara itu, seorang perunding teknikal teknologi maklumat tidak menyangka dipilih pemenang utama Cabutan WOW! 20 Tahun PTPN bulan Ogos bernilai RM10,000.

Chin Choon Keat, 34, ber-

kata, dia membuka akaun SSPN-i untuk anaknya, Chin Zheng Khai sebagai tabungan masa depan anaknya sejak lima tahun lalu.

"Saya gembira dan tidak sangka akan dipilih. Banyak manfaat diperoleh selepas membuka akaun ini seperti dividen yang kompetitif.

"Ibu bapa juga dapat menikmati faedah pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM12,000," katanya.



MASTURA

SINAR HARIAN  
6 OKT 2017 (JUMAAT)  
M/S 15